

KALNEURON *FILM COATED* TABLET

Thiamine mononitrate 100mg, Pyridoxine hydrochloride 200mg dan Cyanocobalamin 200mcg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Kalneuron *Film Coated* Tablet
2. Bagaimana Kalneuron *Film Coated* Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Kalneuron *Film Coated* Tablet
4. Cara mengambil Kalneuron *Film Coated* Tablet
5. Semasa mengambil Kalneuron *Film Coated* Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Kalneuron *Film Coated* Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Kalneuron *Film Coated* Tablet

Kalneuron *Film Coated* Tablet digunakan untuk rawatan gangguan neurobiologi dan lain-lain gangguan berkaitan fungsi metabolik yang dipengaruhi oleh vitamin B kompleks, termasuk polineuropati diabetik, neuritis perifer alkohol dan neuropati selepas influenza.

Kalneuron *Film Coated* Tablet juga disyorkan untuk rawatan neuritis dan neuralgia saraf tulang belakang, terutamanya paresis wajah, sindrom serviks, sakit pinggang, ischialgia.

Bagaimana Kalneuron *Film Coated* Tablet berfungsi

Kalneuron adalah kombinasi tiga vitamin neurotropik penting (B1, B6 dan B12) dalam dos yang tinggi. Vitamin B1, B6 dan B12 mempunyai kepentingan khusus untuk metabolisma dalam sistem saraf periferi dan pusat. Kesannya terhadap penjaan semula saraf telah ditunjukkan dalam pelbagai kajian menggunakan vitamin secara individu dan kombinasi. Vitamin B1 memainkan peranan penting dalam proses metabolik utama. Vitamin B6 mempunyai kesan analgesik. Vitamin B12 memastikan pembentukan sel darah dan menghalang proses

degeneratif sistem saraf. Kedua-dua fungsi individu dan hubungan biokimia yang bermanfaat antara ketiga-tiga vitamin itu membenarkan penggunaan mereka secara kombinasi.

Sebelum mengambil Kalneuron *Film Coated* Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Kalneuron *Film Coated* Tablet jika anda mempunyai alahan terhadap Vitamin B1, B6, B12 atau mana-mana bahan lain dalam Kalneuron *Film Coated* Tablet.

Ubat ini mengandungi gula, penggunaannya tidak disyorkan jika anda mempunyai kadar toleransi yang rendah terhadap sesetengah gula.

Ubat ini tidak digalakkan untuk kanak-kanak kerana kandungan bahan aktif yang tinggi.

-Sebelum mengambil Kalneuron *Film Coated* Tablet

Maklumkan dan berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika:

- anda hamil
- anda menyusukan anak
- anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda)

Doktor anda akan menentukan sama ada Kalneuron *Film Coated* Tablet sesuai untuk anda atau tidak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Doktor atau ahli farmasi anda akan memberi nasihat sama ada anda boleh mengambil Kalneuron *Film Coated* Tablet bersama-sama dengan ubat yang lain.

Cara mengambil Kalneuron *Film Coated* Tablet

-Berapa banyak harus diambil

Ubat ini perlu diambil 1 biji sebanyak 3 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Ubat ini perlu ditelan tanpa dikunyah dengan sedikit cecair atau selepas makan.

-Bila perlu diambil

Ikut arahan pada label dengan berhati-hati dan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Berlebihan vitamin B6 yang berpanjangan selama lebih daripada 2 bulan dan lebih daripada 1 g/hari boleh membawa kepada kesan neurotoksik.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa mengambil Kalneuron *Film Coated* Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Beritahu doktor dan ahli farmasi jika anda alah kepada vitamin B1, B6 dan B12.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda sebarang ubat-ubatan preskripsi dan

KALNEURON *FILM COATED* TABLET

Thiamine mononitrate 100mg, Pyridoxine hydrochloride 200mg dan Cyanocobalamin 200mcg

bukan preskripsi yang anda ambil.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Kalneuron *Film Coated* Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda telah hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berkongsi Kalneuron *Film Coated* Tablet dengan orang lain, walaupun tanda-tanda mereka kelihatan serupa dengan anda.

Jangan mengambil ubat ini untuk rawatan lain melainkan jika diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Vitamin B1, B6 dan B12 akan dirembeskan ke dalam susu ibu sekiranya anda menyusui. Di dalam kes individu, pengambilan dos vitamin B1, B6 dan B12 yang tinggi (melebihi 600mg) boleh menghalang pengeluaran susu ibu.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menyusukan anak.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Kalneuron *Film Coated* Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Berikut adalah beberapa kesan-kesan sampingan yang direkodkan dan dilaporkan:

- loya
- cirit-birit
- sakit perut
- muntah
- kromaturia (air kencing kemerahan semasa jam pertama selepas pengambilan ubat dan biasanya kembali normal selepas 48 jam)

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang disenaraikan di atas atau lain-lain kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccine (AEFI)*].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Kalneuron *Film Coated* Tablet

-Penyimpanan

Kalneuron *Film Coated* Tablet perlu disimpan di dalam pakej asal pada suhu tidak melebihi 30°C. Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh. Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Kalneuron *Film Coated* Tablet adalah tablet bersalut filem cembung berwarna putih dan kosong di kedua-dua belah permukaan.

-Bahan-bahan kandungan:

Bahan aktif:

Thiamine mononitrate (100mg)
Pyridoxine hydrochloride (200 mg)
Cyanocobalamin (200 mcg)

Bahan tidak aktif:

Corn starch
Hydroxyl propyl Cellulose
Magnesium Stearate
Talc
Alcohol 96%
Purified Water
Opadry white
Sugar
Titanium Dioxide

-Nombor MAL

MALxxxx

Pengilang

Pt. Hexpharm Jaya Laboratories
Jl. Angsana Raya Blok A.3-1,
Lippo Cikarang, Kelurahan Sukaresmi,
Kecamatan Cikarang Selatan,
Kabupaten Bekasi, Provinsi Jawa Barat,
Indonesia

Pemegang Pendaftaran Produk

GoodScience Sdn. Bhd.
No.7, Jalan KPK 4/3, Kawasan
Perindustrian Kundang, Kundang Jaya
48020 Rawang,
Selangor,
Malaysia

Tarikh Kemaskini RiMUP

22/07/2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/108